

22/06/2003

Gerakan gembira kekal terajui Pulau Pinang

Norhafzan Jaafar

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memberi jaminan dan sokongan terhadap parti itu untuk terus memimpin Pulau Pinang, walaupun ia adalah sebuah parti mewakili masyarakat bukan Melayu.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, apa yang sudah dibuktikan parti serta kepimpinan negeri itu adalah menunjukkan satu formula perkongsian kuasa yang berjaya diamalkan oleh semua parti komponen

di bawah Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, sebagai parti yang memimpin negeri itu, Gerakan juga akan menguatkan kerjasama sedia ada untuk memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya umum akan datang.

"Gerakan sebagai parti utama di Pulau Pinang juga sudah bersiap sedia bagi mengetuai parti komponen lain untuk bekerjasama menghadapi pilihan raya umum nanti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat parti itu di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa masalah kemunduran masyarakat Melayu di Pulau Pinang tidak boleh diselesaikan dengan menukarkan kepimpinan dari Cina kepada Melayu.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai reaksi kepada cadangan Ketua Pemuda

Umno bahagian Tanjung, Raja Munir Shah Raja Mustafa supaya Ketua Menteri negeri itu dilantik dari kalangan pemimpin Umno sebagai jalan penyelesaian

untuk membela nasib masyarakat Melayu di negeri itu.

Raja Munir ketika membahaskan ucapan dasar Ketua Pemuda Umno di Perhimpunan Agung Umno Rabu lalu, berkata langkah itu penting untuk membolehkan pembangunan yang memabitkan kepentingan orang Melayu seperti

projek perumahan, berjalan lancar.

Sementara itu, Timbalan Presiden parti itu yang juga Ketua Menteri Pulau

Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata sebagai pemimpin negeri itu, beliau akan memastikan kepimpinannya terus mengamalkan kerjasama penuh memabitkan semua pemimpin parti komponen BN dalam membuat sebarang keputusan bagi kecemerlangan negeri itu.

"Saya akan terus berusaha dan berganding bahu dengan semua pemimpin parti komponen BN untuk menangani cabaran dan memimpin Pulau Pinang dalam

mencapai kecemerlangan.

"Segala keputusan kerajaan negeri adalah keputusan yang dibuat secara mesyuarat antara semua parti dalam BN," katanya yang turut hadir pada mesyuarat itu.

Dr Koh yang juga berterima kasih dengan kenyataan Perdana Menteri itu turut menegaskan bahawa sebagai pemimpin yang bertanggung jawab kepada pembangunan rakyat, kepimpinannya sebaik mungkin berusaha untuk menjaga kepentingan semua kaum dan golongan di Pulau Pinang.

